

**Belanjawan 2013 Kerajaan Sedia Tawaran Lebih Baik Kepada Penjawat Awam  
Bernama  
10 Oktober, 2012**

PUTRAJAYA, 10 Okt (Bernama) -- Cadangan Belanjawan 2013 oleh kerajaan bagi 1.42 juta penjawat awam jauh lebih baik daripada cadangan dalam 'belanjawan 2013' pakatan pembangkang yang kelihatan begitu hambar.

Statistik yang dikumpul dari Belanjawan 2013 kerajaan menunjukkan bahawa jumlah yang dikenal pasti untuk emolumen adalah RM58.6 bilion seperti yang dibentangkan Perdana Datuk Seri Najib Tun Razak di Dewan Rakyat pada 28 Sept.

Tetapi pembangkang mencadangkan hanya RM56 bilion emolumen bagi penjawat awam kerajaan, iaitu pengurangan RM2.6 bilion.

Pengurangan sedemikian mencerminkan penghapusan 72,000 jawatan dalam perkhidmatan awam jika dikira gaji purata petugas itu adalah RM3,000 sebulan atau RM36,000 setahun.

Sebagai tambahan, cadangan belanjawan pakatan pembangkang bagi pesara kerajaan hanya RM12.1 bilion berbanding RM13.6 peruntukan kerajaan.

Keseluruhannya, peruntukan kerajaan bagi emolumen begitu juga pencen dan gratuiti berjumlah RM74.2 bilion berbanding cadangan pembangkang sebanyak RM68.1 bilion, iaitu pengurangan RM6.1 bilion.

Malah, jika diambil kira cadangan pembayaran RM4.4 bilion oleh pembangkang bagi menyediakan gaji minimum RM1,100 kepada kira-kira 300,000 penjawat awam yang berpendapatan di bawah RM1,000 sebulan dan elaun khas RM500 bagi guru-guru, peruntukan kerajaan bagi penjawat awam dan pesara bagi 2013 masih tinggi sebanyak RM1.7 bilion.

Pakatan pembangkang juga mencadangkan bayaran bonus RM2.8 bilion kepada 2.8 juta warga emas berumur 60 tahun sebanyak RM1,000 setiap seorang.

Tetapi Bantuan Rakyat 1Malaysia 2.0 oleh kerajaan nampaknya lebih menyeluruh kerana ia memperuntuk RM3 bilion bagi 4.3 juta isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan dan 2.7 juta individu yang masih belum berkahwin yang berumur 21 tahun ke atas dengan pendapatan RM2,000 dan ke bawah sebulan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701028>